

1. 1MDB: Tindakan DoJ cacat

KUALA LUMPUR 31 Julai - Langkah Jabatan Keadilan (DoJ) Amerika Syarikat merampas aset yang didakwa mempunyai kaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mempunyai kecacatan dari segi undang-undang, kata seorang peguam kanan Australia kelahiran Malaysia.

Quintin Rozario, seorang peguam litigasi terkemuka di Brisbane, berkata, dengan membuat kenyataan terbuka mengenai individu Malaysia yang didakwa melakukan pengubahan wang haram ke Amerika Syarikat, Peguam Negara Loretta Lynch sendiri telah 'keterlaluan dan melanggar keadilan asasi.'

Rozario yang dihubungi dari Brisbane memberitahu Bernama, Lynch sudah melampaui batas kuasanya dengan merumuskan bahawa satu kesalahan atau beberapa kesalahan telah dilakukan oleh Malaysia atau ejennya.

"Beliau seterusnya membayangkan mereka telah melakukan kesalahan itu menerusi kenyataan tanpa disertai bukti kukuh atau keputusan mahkamah yang sah yang boleh menyokong dakwaannya.

"Untuk perkara itu berlaku, defendan rakyat Malaysia itu harus diadili terlebih dahulu. Bagaimanapun mereka tidak pun diadili," katanya.

Rozario berkata, menjadi prinsip undang-undang bahawa penjenayah paling keji sekalipun layak dan berhak mendapat keadilan asasi mengikut perlumbagaan.

"Hak untuk didengar dan peluang membentangkan hujah mempertahankan diri, mencabar dakwaan dan keterangan terhadap mereka, dan untuk pendakwa berhadapan dengan orang yang dituduh, masih belum berbangkit.

"Sebagai pegawai tertinggi undang-undang di negaranya, tindakan Lynch baru-baru ini adalah menafikan perbicaraan yang adil atau apa juga perbicaraan kepada responden. Loretta sendiri pada masa sama telah menjadi hakim, juri dan pelaksana hukuman," katanya.

Rozario berkata, tindakan Peguam Negara Amerika Syarikat itu juga jelas bertentangan dengan keputusan Mahkamah Agung negara itu pada 2014 dalam kes Daimler lawan Baume.

Dalam kes berkenaan, mahkamah tertinggi negara itu memutuskan sebarang pelanggaran tindakan yang dilakukan penduduk di Amerika Syarikat, perbuatan mereka tidak dapat dikaitkan dengan kerajaan atau dalam kes ini, 1MDB.

"Sebaliknya Mahkamah Agung memutuskan aktiviti mereka hanya akan mewujudkan bidang kuasa tertentu di negeri tempat mereka tinggal di Amerika Syarikat," katanya.

Pada 20 Julai lepas, Lynch dalam kenyataannya ketika mengumumkan tindakan undang-undang, antara lain berkata, ahli perniagaan Malaysia dikenali sebagai Jho Low melakukan pengubahan wang haram berjuta-juta dolar ke Amerika Syarikat, dengan membeli hartanah serta menjalani gaya hidup mewah.

"Keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat pada 2014 itu cukup jelas.

"Walaupun Jho Low atau individu yang disebut dalam aduan itu adalah penduduk di Amerika Syarikat dan adalah ejen 1MDB atau kerajaan Malaysia, mereka telah melakukan kesalahan di negeri mereka tinggal, perbuatan mereka tidak boleh dikaitkan dengan kerajaan atau 1MDB," kata Rozario.

Beliau juga menyentuh rekod Amerika Syarikat dalam mematuhi undang-undang antarabangsa yang digambarkannya sebagai 'tidak konsisten pada tahap terbaik, bersifat memilih dan mempunyai kecacatan paling teruk'.

Katanya, Amerika Syarikat mempunyai kekuatan ekonomi, politik dan ketenteraan yang boleh digunakan ke atas pihak yang mereka boleh atau mahu tundukkan.

"Pendekatan Lynch dalam isu 1MDB ini adalah seiring dengan tindakan Amerika Syarikat selama ini yang menggunakan taktik kekerasan ke atas negara kecil.

"Ini lakukan dengan beranggapan bahawa ia mempunyai kuasa untuk menjelaskan kedaulatan Malaysia dan menguatkuasakan 'kewajipan undang-undangnya' dengan merampas kuasa itu daripada mahkamah Amerika Syarikat dan Malaysia serta agensi lain dalam kerajaan mereka," katanya.

Hujah Rozario mengukuhkan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis lepas bahawa proses perundangan perlu dihormati dan mereka yang dinamakan dalam tindakan DoJ harus diberi peluang mempertahankan diri, termasuk di mahkamah.- BERNAMA



Selasa, 2 Ogos 2016

2. Kementerian Kewangan yakin 1MDB menang kes timbang tara

PUTRAJAYA 2 Ogos - Kementerian Kewangan amat yakin 1Malaysia Development Bhd (1MDB) akan memenangi kes timbang tara yang difaiklan oleh International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar) berhubung pertikaian pembayaran hutang.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani berkata: "Berdasarkan semua dokumen yang diberikan oleh 1MDB kepada saya, saya amat yakin (dengan kemenangan 1MDB).

"Sebab itulah kita mengambil keputusan untuk tidak membayar faedah berkenaan...kita akan menentang dan menang kes ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Berfokus Bajet 2017 mengenai kos sara hidup di sini, semalam.

IPIC dan Aabar telah mengemukakan Permintaan Timbang Tara (RFA) kepada Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London.

RFA itu menyatakan 1MDB dan Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MOF Inc) dikatakan gagal untuk melaksanakan obligasi kontrak di bawah Lembaran Terma Terikat (BTS) seperti yang dijelaskan dalam pengumuman IPIC GMTN Ltd pada 10 Jun, 2015.

Johari berkata, sebutan bagi kes timbang tara itu ditetapkan pada September.

Beliau berkata, pertikaian itu adalah berhubung penafian IPIC bahawa ia adalah syarikat induk Aabar walaupun dokumen menunjukkan pemilikannya.

"Kita telah berurus niaga dengan semua syarikat ini, kini secara tiba-tiba mereka mengatakan syarikat berkenaan bukan milik mereka. Kita mahu menyelesaikan perkara ini dengan mereka di dalam mahkamah dan biarlah mahkamah timbang tara melihat kepada dokumen kita," katanya.

Mengenai kenyataan 1MDB bahawa penyata kewangan 2013 dan 2014 yang telah diaudit tidak boleh lagi diguna pakai oleh mana-mana pihak, Johari berkata, ia tidak mempunyai kaitan dengan kes berkenaan memandangkan 1MDB telah menyelesaikan hutangnya dengan bank tempatan dan tidak berniat untuk membuat mana-mana pinjaman wang lagi. - BERNAMA



Selasa, 2 Ogos 2016

3. Kekurangan bekalan punca kelewatan - KP Imigresen

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Tempoh selama enam bulan ditetapkan Jabatan Imigresen untuk memohon atau memperbaharui pasport adalah berpunca daripada masalah kekurangan bekalan pasport oleh pihak pembekal.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, pihak Imigresen mengambil serius mengenai laporan berita pada 29 Julai lepas mengenai kelewatan proses permohonan dan memperbaharui itu sehingga menyebabkan situasi panik dalam kalangan orang ramai.

"Susulan daripada laporan tersebut, pejabat Imigresen di seluruh negara dibanjiri orang ramai untuk membuat permohonan pasport baharu dan memperbaharui pasport," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Media hari ini melaporkan orang ramai yang berurusan di Jabatan Imigresen Putrajaya di Presint 3, Putrajaya semalam terpaksa menunggu lebih lapan jam kerana jabatan kerajaan itu mengalami masalah teknikal sistem komputer.

Laporan media itu juga berkata, masalah yang sama turut dialami di kaunter membuat pasport di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuala Lumpur Pudu, UTC Sentul, pejabat Jabatan Imigresen Jalan Tunku Abdul Halim (dahulu dikenali dengan nama Jalan Duta), Kuala Lumpur dan Jabatan Imigresen Seremban, Negeri Sembilan.

Sehubungan itu, Mustafar berkata, Jabatan Imigresen sentiasa memastikan bekalan pasport tidak terganggu kerana Pasport Malaysia Antarabangsa kini mengalami proses transisi kepada pasport versi baharu dan menghadapi masalah kecil.

"Pihak kerajaan dan imigresen sentiasa melaksanakan usaha yang terbaik dalam memperkasakan perkhidmatan awam, selama ini rekod pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa adalah yang terbaik berbanding negara-negara lain.

"Tempoh penyerahan pasport selama satu jam selepas membuat bayaran merupakan pertama kali diperkenalkan di dunia, negara-negara maju mengambil masa antara dua minggu hingga tiga bulan untuk mendapatkan pasport," katanya.

Justeru, orang ramai diseru merancang perjalanan dengan bijak dan tidak membuat permohonan pada saat-saat akhir bagi mengelakkan sebarang masalah kepada pemohon sekiranya pasport mereka tidak dapat diproses pada hari yang sama akibat jumlah pemohon yang tinggi di pejabat imigresen di seluruh negara, katanya.

Orang ramai diminta tidak panik atas masalah kelewatan memproseskan pasport itu kerana kerajaan akan menangani isu berkenaan dengan berkesan dan memastikan tahap perkhidmatan imigresen berada dalam keadaan terbaik, kata Mustafar. - BERNAMA



Jumaat, 5 Ogos 2016

4. KDN beri kata dua kepada syarikat pembekali pasport

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Kementerian Dalam Negeri memberi kata dua kepada syarikat pembekal pasport agar menyelesaikan segera masalah kekurangan bekalan pasport dan bukannya saling bertelagah sehingga menyusahkan orang ramai.

Timbalan Menterinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, syarikat pembekal yang baharu dilantik itu perlu membuktikan komitmennya sebagaimana perjanjian dalam kontrak dan bukannya mencari salah mana-mana pihak dalam isu tersebut.

Pada masa yang sama, beliau juga mahu syarikat pembekal tersebut menghentikan segera segala kenyataan akhbar, sebaliknya perlu fokus kepada kerja hakiki iaitu membekal pasport dan memastikan masalah serupa tidak berulang.

"Vendor pasport ini perlu berhenti bertelagah, pastikan pembekalan pasport dapat berjalan dengan lancar semula. Isu ini menyusahkan rakyat yang mahu membuat serta memperbaharui pasport mereka dan saya terima banyak rungutan.

"Kakitangan Imigresen sudah bertungkus-lumus bagi memberi khidmat terbaik kepada rakyat tetapi disebabkan masalah melibatkan vendor, rakyat terpaksa menerima kesannya," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis Malam Penghargaan Rakan Perniagaan KL Sogo Ke-22 di sini malam ini.

Media sejak beberapa hari lalu melaporkan mengenai rungutan orang ramai yang terpaksa beratur panjang serta menunggu lama bagi membuat atau memperbaharui pasport, sedangkan sebelum ini proses tersebut hanya mengambil masa sejam.

Selain Kuala Lumpur, masalah berkenaan turut berlaku di negeri seperti Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Sarawak apabila jumlah pasport yang dimiliki pihak Imigresen jauh lebih sedikit berbanding permintaan daripada orang ramai.

Ditanya mengenai bentuk tindakan yang akan diambil ke atas syarikat pembekal itu, Nur Jazlan berkata, Kementerian Dalam Negeri sedang meneliti kontrak vendor terbabit dan tidak menolak kemungkinan menyarankan agar Kementerian Kewangan bertindak.

"Keputusan itu terletak kepada Kementerian Kewangan kerana mereka yang meluluskan kontrak, tetapi jika tidak memenuhi syarat dalam kontrak, saya rasa Kementerian Kewangan perlu mengambil tindakan," katanya. - UTUSAN ONLINE



Selasa, 9 Ogos 2016

5. Pembantu tadbir Perbadanan Putrajaya didakwa pecah amanah

KUALA LUMPUR 9 Ogos- Seorang pembantu tadbir di Perbadanan Putrajaya didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan pecah amanah wang hasil sewaan dewan di perbadanan itu untuk kegunaan sendiri.

Ridhuwan Abdul Manaf, 35, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim Zulqarnain Hassan.

Tertuduh yang telah diamanahkan menguruskan sewa tempahan dan penggunaan dewan di Kompleks Perbadanan Putrajaya didakwa telah melakukan pecah amanah iaitu menyalahgunakan wang hasil

sewaan dewan berjumlah RM40,316 bagi kegunaan diri sendiri dengan tidak menyerahkan wang itu kepada perbadanan.

Ridhuwan didakwa melakukan kesalahan itu di Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24 Persiaran Perdana Presint 3, Putrajaya, antara 23 Jun 2015 hingga 6 Mei 2016.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan dengan sebat dan boleh juga dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suhaidariah Ahmad tidak menawarkan wang jaminan bagaimanapun tertuduh yang diwakili peguam Shah Rizal Abdul Manan memohon mahkamah membenarkan jaminan dengan alasan anak guamnya memberi kerjasama baik kepada pihak polis.

"Tertuduh sudah berkahwin mempunyai dua anak berusia lima dan tiga tahun yang mana anak bongsunya menghidap penyakit sawan dan kerap kali mendapatkan rawatan di hospital," kata peguam itu.

Hakim Zulqarnain membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 26 Ogos untuk sebutan semula kes.- BERNAMA



Isnin, 15 Ogos 2016

6. SPRM tahan, beku dan sita aset tiga penjawat awam

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Tiga penjawat awam termasuk dua daripada mereka berpangkat Datuk dan Datuk Seri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai terlibat dengan aktiviti menyalahgunakan kuasa, rasuah serta pengubahan wang haram dalam serbuan di tiga negeri, hari ini.

Ketiga-tiga individu berusia dalam lingkungan 50-an itu ditahan dalam operasi serentak yang dijalankan di Kuala Lumpur, Melaka dan Kelantan antara pukul 12 tengah hari hingga 2 petang tadi.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki, susulan penahanan itu, pihak SPRM bertindak membeku wang simpanan termasuk amanah saham bernilai RM1 juta hingga RM6 juta meliputi jumlah keseluruhannya mencecah RM13 juta.

"Selain pembekuan akaun tersebut, turut disita ialah beberapa aset seperti kondominium mewah termasuk penthouse dan banglo selain kenderaan mewah jenis Maserati, BMW dan Audi yang dipercayai hasil kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram.

"Dalam serbuan serentak itu, SPRM turut menjumpai wang tunai mencecah RM400,000 termasuk mata wang asing selain beberapa utas jam tangan mewah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini - UTUSAN ONLINE



Isnin, 15 Ogos 2016

7. Bekas pegawai Perbadanan Stadium Melaka didakwa luluskan pesanan kerajaan

MELAKA 15 Ogos - Seorang bekas pegawai Perbadanan Stadium Melaka (PSM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk meluluskan empat pesanan kerajaan berjumlah RM45,572.30 kepada syarikat pembekalan milik adik kandungnya.

Nurulain Norazmi, 30, mengaku tidak bersalah atas keempat-empat pertuduhan itu yang dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Norma Ismail.

Mengikut pertuduhan pertama, ibu kepada dua anak itu didakwa menggunakan kedudukan sebagai Penolong Pengarah Pengurusan dan Kewangan PSM untuk mengeluarkan dan meluluskan pesanan kerajaan bernilai RM6,830 kepada syarikat Ah Boy Supplier And Services milik adik kandungnya, Mohd. Najib di bahagian Pengurusan dan Kewangan PSM antara 4 hingga 9 Oktober 2014.

Bagi tiga lagi pertuduhan, Nurulain didakwa melakukan perbuatan sama dengan meluluskan tiga lagi pesanan kerajaan berjumlah RM38,742.30 antara Disember 2014 dan April tahun lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohammed Heikal Ismail dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), mengemukakan pertuduhan mengikut Seksyen 23 Akta SPM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan jika sabit kesalahan.

Peguam Mohd. Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan yang mewakili Nurulain memohon jaminan sebanyak RM15,000 bagi keempat-empat pertuduhan tersebut dengan alasan anak guamnya kini hamil enam bulan dan tidak bekerja.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dan menetapkan 19 September ini untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen. - UTUSAN ONLINE

Selasa, 16 Ogos 2016

8. Rozario sifatkan tindakan DoJ satu konspirasi

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Dakwaan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) terhadap 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) adalah suatu bentuk konspirasi bagi menjatuhkan kerajaan Malaysia di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Peguam Litigasi Australia, Quintin Rozario berkata, tindakan saman sivil yang dikenakan ke atas syarikat pelaburan negara itu juga boleh disifatkan satu pembulian terhadap negara selain cuba mencampuri urusan dalaman negara ini sewenang-wenangnya.

Ini kerana kata beliau, segala dakwaan yang dibangkitkan tidak disertakan dengan bukti kukuh sekali gus dianggap sebagai fitnah dan mempunyai agenda tersembunyi.

"Walaupun Peguam Negara Amerika Syarikat (AS), Loretta Lynch dalam kenyataannya ketika mengumumkan tindakan undang-undang terhadap 1MDB tidak menyebut Najib, tetapi sasaran dakwaannya menjurus kepada Perdana Menteri.

"Mana mungkin tindakan undang-undang boleh disabitkan ke atas 1MDB sedangkan mereka tidak siasat secara langsung atau hadir sendiri ke negara ini untuk menyoal siasat 1MDB," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar berhubung isu DoJ dan campur tangan asing di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Ahli Panel Penasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim.

Baru-baru ini, Rozario tampil memperjelaskan berhubung langkah DoJ merampas aset yang didakwa mempunyai kaitan dengan 1MDB mempunyai kecacatan dari segi undang-undang.

Peguam kelahiran Malaysia itu turut memberitahu, kenyataan terbuka mengenai individu Malaysia yang didakwa melakukan pengubahan wang haram ke AS adalah 'keterlaluan dan melanggar keadilan asasi.'

Dalam pada itu, beliau yang tampil sekali lagi mempertahankan kenyataan yang dibuat pada 31 Julai lalu itu mempersoalkan sekiranya DoJ memfailkan saman sivil bagi mendapatkan kembali aset yang diperoleh melalui dana 1MDB yang didakwa diselewengkan, kepada siapa aset itu akan dipulangkan.

"Siapa 'rakyat Malaysia' yang DoJ maksudkan?. Mereka hendak pulangkan kepada siapa apabila mereka tidak lagi mempercayai kerajaan negara ini?

"Rakyat Malaysia perlu bersatu dan menghentikan inisiatif DoJ untuk hancurkan negara ini," katanya yang mengakui menerima ugutan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang tidak menyenangi kenyataan awal beliau.

Sementara itu, Tunku Aziz berkata, tindakan DoJ tersebut adalah agenda negara asing yang mencemburi keharmonian negara ini yang mengamalkan dasar kesederhanaan sebagai sebuah negara Islam.

Katanya, Malaysia mudah menjadi sasaran kerana majoriti rakyatnya beragama Islam yang boleh bertoleransi antara masyarakat pelbagai kaum.

"Kita perlu berhati-hati tentang tindakan campur tangan asing. Kita perlu faham apa yang sebenarnya berlaku.

Minda rakyat Malaysia perlu berubah jangan hanya mempercayai apa yang dilaporkan oleh media asing," katanya.



Rabu, 17 Ogos 2016

9. Lagi 'jerung' diburu SPRM

Salah guna kuasa rasuah pengubahan wang haram

KUALA LUMPUR 16 Ogos - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan akan menahan beberapa lagi 'jerung' terdiri daripada pegawai tinggi badan awam dan syarikat milik kerajaan (GLC) yang terlibat dalam kes-kes rasuah, salah guna kuasa serta pengubahan wang haram dan membekukan harta-harta yang diperoleh mereka secara jenayah.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Azam Baki berkata, ini merupakan pendekatan terbaru pihaknya berikutan kejayaan penahanan tiga individu termasuk yang bergelar Datuk Seri dan Datuk melibat dakwaan rasuah dan salah guna kuasa berjumlah RM13 juta yang didedahkan semalam.

Menurutnya, usaha menjelaki mereka yang hidup mewah hasil kegiatan itu sedang dijalankan pihak SPRM. "Tunggulah nanti, jika ada penahanan dibuat kita akan maklumkan," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan SPRM semalam yang membekukan akaun simpanan berjumlah lebih RM13 juta dan menahan tiga penjawat awam termasuk dua daripada mereka yang berpangkat Datuk Seri dan Datuk.

Kesemua mereka ditahan atas kesalahan menyalahgunakan kuasa, rasuah serta pengubahan wang haram di tiga negeri iaitu Kuala Lumpur, Melaka dan Kelantan.

Berikutan penahanan tersebut, SPRM bertindak membeku wang simpanan termasuk amanah saham bernilai RM1 juta hingga RM6 juta meliputi jumlah keseluruhannya mencecah RM13 juta.

Selain pembekuan akaun tersebut, turut disita ialah beberapa aset seperti kondominium mewah termasuk penthouse dan banglo selain kenderaan mewah jenis Maserati, BMW dan Audi yang dipercayai hasil kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram.

SPRM turut menjumpai wang tunai mencecah RM400,000 termasuk mata wang asing selain beberapa utas jam tangan mewah.

Dalam pada itu, Azam memberitahu, pihaknya akan memanggil beberapa individu bagi membantu siasatan kes rasuah dan salah guna kuasa tersebut.

"Apa yang pasti mereka yang akan dipanggil ini bukan VVIP (orang kenamaan). Mereka ini dipanggil hanya untuk bantu kita lengkapkan siasatan," katanya.



Jumaat, 19 Ogos 2016

10. Galak penyertaan rakyat budayakan inovasi – KSN

PUTRAJAYA 18 Ogos - Dasar-dasar negara perlu membayangkan dan menggalakkan penyertaan lebih ramai rakyat dalam mempertingkatkan budaya inovasi.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, penglibatan meluas rakyat merangkumi segenap sektor ekonomi dan masyarakat dapat mencetuskan idea, ilmu pengetahuan dan keupayaan baharu.

Menurutnya, langkah itu juga berupaya mempertingkatkan permintaan pasaran terhadap inovasi.

"Sektor awam ketika ini sedang berhadapan dengan cabaran dari segi kepantasan perubahan teknologi dan perubahan landskap geopolitikal.

"Terdapat tuntutan yang mendesak bagi sektor tersebut untuk mengaplikasikan inovasi. Ini secara jelas mencerminkan kemahuan untuk bergerak secara strategik selaras tuntutan semasa," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Persidangan Dwitahunan Pertubuhan Komanwel Bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) 2016 'Inovatif: Kepentingan Perkhidmatan Awam' hari ini.

Majlis tersebut yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam pada itu Ali menambah, masalah yang dihadapi oleh perkhidmatan awam secara semula jadinya adalah bersifat rumit dan merentas sempadan.

Katanya, sektor tersebut turut menghadapi masalah peningkatan permintaan perkhidmatan dengan sumber yang terhad.

Menurut beliau, semua perkara tersebut telah mewujudkan cabaran yang bersifat pelbagai dan baharu, sekali gus menuntut sektor awam untuk melaksanakan inovasi serta mencari penyelesaian terhadap masalah dihadapi masyarakat.



Isnin, 22 Ogos 2016

11. Ketua Audit Negara sedia beri keterangan berhubung klasifikasi laporan 1MDB

MELAKA 22 Ogos - Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, beliau sedia memberi keterangan di mahkamah berhubung semakan kehakiman bagi mencabar keputusan mengklasifikasi Laporan Ketua Audit Negara ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai rahsia rasmi.

Beliau berkata, hadir ke mahkamah bagi memberi keterangan dan memberikan kerjasama penuh pada bila-bila masa bagi menjadi saksi adalah sebahagian daripada tanggungjawabnya.

"Kalau saya diperlukan datang ke mahkamah untuk menjadi saksi saya akan hadir, itu tanggungjawab saya. Lagipun nama saya telah disebut, jadi saya kena bagi penjelasan."

"Setakat ini saya belum dipanggil dan saya bersedia pada bila-bila masa," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Jabatan Audit Negara 2016 disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Pada 15 Ogos lepas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali memfailkan permohonan kebenaran semakan kehakiman bagi mencabar keputusan mengklasifikasi Laporan Ketua Audit Negara ke atas 1MDB sebagai rahsia rasmi.

Ditanya tentang permohonan semakan kehakiman berkenaan, Ambrin berkata, Azmin mempunyai hak untuk memfailkan semakan tersebut dan beliau (Ambrin) akan melihat perkembangan kes tersebut. - BERNAMA

Selasa, 23 Ogos 2016

12. 1MDB: Ambrin sedia beri keterangan

MELAKA 22 Ogos - Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang sedia bekerjasama untuk memberi keterangan di mahkamah berhubung keputusan mengklasifikasikan laporan ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai rahsia rasmi.

Beliau berkata, langkah itu merupakan satu tanggungjawab berikutan namanya turut disebut dalam permohonan kebenaran semakan kehakiman yang difailkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Saya akan hadir untuk memberi penjelasan di mahkamah mengenai kes berkenaan jika dipanggil dan kita akan lihat bagaimana perkembangan kes tersebut."

"Itu hak beliau untuk mengemukakan permohonan di mahkamah dan sesiapa sahaja boleh berbuat demikian, saya tidak boleh memberi komen tentang perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Jabatan Audit Negara 2016 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini hari ini.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron yang turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Naim Abu Bakar.

Ambrin ditanya mengenai permohonan Mohamed Azmin yang merupakan Ahli Parlimen Gombak dan Timbalan Presiden PKR di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin lalu.

Mohamed Azmin selaku pemohon menamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ambrin dan kerajaan Malaysia sebagai responden pertama hingga ketiga.

Sementara itu, Ambrin berkata, indeks akauntabiliti (AI) adalah satu sistem penarafan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi menilai tahap kepatuhan atas segala peraturan kewangan kerajaan yang menjadi tanggungjawab seseorang penjawat awam.

Menurutnya, sejak dilaksanakan pada tahun 2007, berlaku penambahbaikan daripada segi pematuhan namun pelbagai usaha berterusan perlu dilakukan.

"Saya berharap kita dapat melipatgandakan usaha sekali gus meningkatkan prestasi dan mendapat penganugerahan lima bintang memandangkan ia memerlukan pengorbanan masa dan tunjuk ajar dalam kalangan kakitangan serta bimbingan pegawai atasan," katanya.

Sabtu, 24 Ogos 2016

13. Kekurangan doktor pakar untuk ditempatkan di luar bandar - Hilmi

BEAUFORT 24 Ogos - Kementerian Kesihatan kekurangan doktor pakar untuk ditempatkan di hospital kerajaan di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, ramai doktor pakar beralih ke hospital swasta kerana tawaran gaji yang lebih tinggi berbanding di hospital kerajaan.

Katanya, biarpun kementerian telah menyediakan skim Pesakit Bayar Penuh dan mengkaji semula beberapa inisiatif termasuk menambah eluan mereka, namun kementerian masih tidak mencukupi doktor pakar.

"Contohnya, Hospital Beaufort telah dinaik taraf, tetapi kementerian gagal menempatkan khidmat doktor pakar di sini disebabkan masalah ini (kekurangan pakar)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Panel Penasihat Klinik Kesihatan Sabah di Dewan Pa' Musa di sini hari ini.

Mengenai kemudahan klinik kesihatan di negeri ini, Hilmi berkata, pihaknya akan menaik taraf beberapa klinik kesihatan.

Beliau juga berkata, kementerian turut merancang untuk membina sebuah Klinik Kesihatan Tahap Kedua bernilai RM30 juta bagi menampung kesesakan pesakit luar di Hospital Beaufort. - BERNAMA

Khamis, 25 Ogos 2016

14. Pengurusan tertinggi perlu isytihar harta DBKL tubuh jawatankuasa khas semak isytihar harta

KUALA LUMPUR 24 Ogos - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi menyemak pengisyiharan harta pengurusan tertingginya yang akan dilakukan Jumaat ini.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mhd. Amin Nordin Abdul Aziz berkata, inisiatif berkenaan dijalankan dengan tujuan memperbaiki integriti pegawai dan kakitangan DBKL di semua peringkat.

"Jabatan Integriti telah diarahkan menyemak sistem dan prosedur yang longgar agar ia dapat diperkuatkuhan. Pada masa sama, Jabatan Audit Dalaman juga diarah bersama-sama menjalankan penelitian.

"Malah, kita juga akan menjalankan perjanjian integriti dengan pemaju seperti yang dibuat dengan para kontraktor," katanya kepada Utusan Malaysia, di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan seorang pegawai kanan DBKL bergelar Datuk Seri yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini bagi membantu siasatan kes rasuah dan salah guna kuasa, dipercayai memiliki 31 unit kondominium mewah bernilai lebih RM15.5 juta.

Kesemua unit kondominium yang terletak di ibu negara itu dikatakan telah 'dibeli' daripada lima pemaju projek perumahan yang berurusan dengan DBKL.

Tambah Mhd. Amin Nordin, pihaknya akan mengadakan Ikrar Integriti Korporat (CIP) dengan pemaju seperti yang dilakukan bersama para kontraktor sebelum ini.

"Di samping itu, beberapa langkah pencegahan akan diteruskan dengan kerjasama SPPM dan Jabatan Audit Negara," katanya.



Khamis, 25 Ogos 2016

15. Segerakan lantikan doktor

KETIKA ini, bakal doktor yang ditawarkan pelantikan tetap jawatan pegawai perubatan dalam kumpulan pengurusan dan profesional gred UD41 dikehendaki mengikuti housemanship intensif selama dua tahun berbanding hanya setahun dilalui bakal doktor sebelum ini.

Dengan mendapat gaji penuh sebagai pegawai perubatan sewajarnya tempoh housemanship dipendekkan kerana adalah sesuatu yang merugikan jika seseorang bakal doktor terikat dengan tempoh housemanship selama dua tahun hanya melakukan kerja-kerja praktikal seperti dilakukan mahasiswa jurusan perubatan.

Keadaan itu pastinya akan menjatuhkan moral mereka sebagai bakal doktor setelah pelbagai kesukaran dilalui, dan saya yakin pasti ada penyelesaian terbaik bagi menghasilkan win-win situation.

Untuk itu, saya syorkan agar bakal doktor itu diberikan housmanship selama setahun sahaja manakala pada tahun berikutnya mereka dibenarkan menjalankan tugasan doktor penuh di klinik-klinik 1Malaysia atau klinik bergerak bagi memberi lebih pengalaman dalam bidang lapangan dan meningkatkan keyakinan mereka kelak.

Lebih-lebih lagi saya perhatikan di hospital dan klinik kerajaan masih kekurangan doktor yang mana ada ketika pesakit luar terpaksa menunggu dari pagi hingga ke petang hanya untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan sempurna daripada doktor yang bertugas.

Dengan langkah itu, sekurang-kurangnya bakal doktor terbabit boleh diletakkan dalam senarai menunggu atau calon simpanan tanpa perlu menunggu masa begitu lama untuk ditawarkan jawatan sebagai pegawai perubatan sah.

Waktu tunggu yang lama menjangkau lebih setahun berkemungkinan akan membuatkan bakal doktor lupa teori-teori perubatan yang dipelajarinya selama ini disebabkan tidak didedahkan dengan kerja-kerja pakar sebagai seorang doktor.

Kita faham bukan mudah untuk menjadi seorang doktor bertauliah kerana seseorang itu perlu menghabiskan masa selama lima hingga enam tahun sebelum layak untuk menggenggam segulung ijazah dalam bidang perubatan selain kos pengajian yang terpaksa ditanggung sekurang-kurangnya RM300,000 untuk setiap pelajar!

SYED ABDULLAH SYED OSMAN JAMALULLAIL

Ampangan, Seremban



Khamis, 25 Ogos 2016